

24 NOV 1997

Dewan-Usul (Perlis)

DUN PERLIS LULUS USUL SOKONG PERDANA MENTERI

KANGAR, 24 Nov (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri Perlis hari ini meluluskan sebulat suara usul menyokong Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani isu semasa terutama campur tangan pihak luar dalam urusan pentadbiran negara ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim membentangkan usul itu dan disokong oleh Pengerusi Jawatankuasa Tanah, Perhutanan dan Alam Sekitar, Che Ah binti Long.

Usul itu mengandungi lima ketetapan iaitu:

* menegaskan bahawa Perlis sebagai sebahagian daripada Malaysia akan terus mempertahankan prinsip menghormati kerukunan hidup rakyat pelbagai kaum dan agama dan di bawah pimpinan Perdana Menteri. Selaras dengan dasar yang mengamalkan sikap terbuka, adil dan saksama, Dewan Undangan Negeri Perlis yang bersidang hari ini menolak tuduhan bahawa pimpinan negara adalah anti mana-mana kaum termasuk Yahudi.

* membantah cadangan usul daripada beberapa anggota Kongres Amerika Syarikat yang membuat tuduhan melulu yang merupakan satu pencabulan terhadap kedaulatan dan hak rakyat negara ini dalam menentukan kepemimpinan serta dasar negara berdasarkan prinsip demokrasi.

* menolak sekeras-kerasnya sebarang cadangan Amerika Syarikat untuk mengambil tindakan terhadap pelaburan sah Petronas dalam industri gas di Iran kerana ia melanggar semangat perdagangan bebas yang diterima pakai oleh masyarakat antarabangsa.

* menyatakan sokongan padu dan tidak berbelah bahagi rakyat dan kerajaan Perlis serta doa agar usaha beliau (Dr Mahathir) untuk menyelesaikan masalah ekonomi dan memulihkan maruah negara akan mendapat kejayaan.

* Dewan Undangan Negeri Perlis yang bersidang hari ini menyatakan keyakinan dan sokongan penuh serta padu kepada Datuk Seri Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Shahidan berkata, kepimpinan Dr Mahathir telah membuktikan kecemerlangan negara dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi hingga berupaya untuk diangkat ke taraf sebuah negara maju tidak lama lagi.

Menurutnya, sejarah kebangkitan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan terus berkembang dalam suasa aman dan harmoni juga adalah berkat daripada kebijaksanaan para pemimpin dalam mengurus masyarakat majmuk. -- BERNAMA

AD NMO